

Pesta Angpau cunggkil bakat keusahawanan pelajar

BHARU

26/2/19

MS 30

Kajang: Penganjuran Pesta Angpau bukan sahaja mampu meningkatkan kerjasama dan perpaduan antara kaum, malah dapat mencunggkil bakat pelajar serta menerapkan nilai keusahawanan dalam diri mereka.

Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Baru Sungai Long, di sini, Puan Zaitun Ibrahim, berkata program yang memasuki tahun ke-12 itu memberi peluang kepada pelajar membuka perniagaan dengan menjual pelbagai barangan, termasuk makanan dan minuman yang mampu mendidik mereka untuk mengenal dunia perniagaan sebenar.

Beliau berkata, gerai jualan itu juga boleh digunakan untuk mengumpul dana tabung kelab atau persatuan bagi menjalankan



Puan Zaitun Ibrahim

aktiviti pelajar sepanjang tahun.

Katanya, modal dikeluarkan oleh guru dan keuntungan akan diberi terus kepada kelab atau persatuan yang disertai mereka. “Penganjuran aktiviti

lain, termasuk acara pentas pada pesta ini membolehkan pelajar memjolkan potensi serta bakat, sekali gus dapat meningkatkan keyakinan diri untuk berhadapan dengan orang ramai,” katanya kepada BH Minda, baru-baru ini.

Suka ke sekolah

Puan Zaitun berkata, daripada penganjuran program berkenaan, beliau dapat melihat kegemilangan, sikap kasih sayang dan hormat-menghormati antara pelajar.

“Program ini dapat memupuk semangat pelajar untuk suka ke sekolah dan mengeratkan silaturahim antara pihak sekolah dengan ibu bapa serta masyarakat setempat.

“Saya dan guru di sekolah ini sedaya upaya untuk memastikan hala tuju yang ditetapkan oleh Kementeri-



Dr Manimaran (dua dari kanan) dan Puan Zaitun (kanan) ketika merasmikan Sambutan Pesta Angpau di SMK Bandar Baru Sungai Long, baru-baru ini.

rian. Pendidikan tercapai menerusi program seperti ini,” katanya.

Beliau berkata, pelajar sekolah di sekitar Sungai Long turut mengambil bahagian dengan menga-

dakan persembahan bagi memamerkan idea dan bakat mereka, sekali gus mampu membina jaringan antara sekolah.

“Program ini berjaya merangkumkan elemen

Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta pencapaian aspirasi murid yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025,” katanya.